

**PEMBENTUKAN NILAI-NILAI MURNI MASYARAKAT SEMAI MELALUI KONSEP  
PANDANG DUNIA (WORLD VIEW) :  
SATU ANALISIS AWAL**

Mohd Mizan Bin Mohammad Aslam  
Shuhairimi Bin Abdullah  
Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia  
(KUKUM)  
Pusat Kemahiran Komunikasi dan Keusahawanan  
Blok B Kompleks Pusat Pengajian Jejawi  
Jalan Kangar-Arau 02600 Arau PERLIS  
H/P : 013-3504539/012-2623733  
Tel Pej.: 04-9798401/9798402  
Fax: 04-9798175  
[m.mizan@kukum.edu.my](mailto:m.mizan@kukum.edu.my)  
[shuhairimi@kukum.edu.my](mailto:shuhairimi@kukum.edu.my)

**ABSTRAK**

Masyarakat Pribumi atau lebih dikenali sebagai orang asli adalah merupakan masyarakat yang mempunyai susur galur hubungan dengan zaman Mesolitik dan Paleolitik. Mereka yang mempunyai status penduduk terawal dan telah mencorakkan negara kita. Mereka sering dilabel sebagai tidak bertamadun dan kuno serta sering ditindas oleh pihak-pihak tertentu. Tetapi sebenarnya mereka mempunyai tamadun yang tersendiri dan hebat. Juga harus diingat, didalam masyarakat mereka, tidak berlakunya perbuatan jahat dan keji seperti membunuh, merogol, mencuri, sumbang mahram, khianat dan lain-lain lagi sebagaimana yang dilakukan oleh kita, yang kononnya masyarakat bertamadun. Mereka berjaya membina masyarakat yang harmoni dan sejahtera hasil daripada konsep pandang dunia dan pengukuhan sistem kepercayaan terhadap kuasa-kuasa ghaib. Oleh itu tulisan ini akan melihat apakah nilai-nilai murni yang telah dijelmakan melalui pegangan kepada konsep pandang dunia ini serta apakah lebihnya masyarakat pribumi ini berbanding kita.

**Pengenalan**

Masyarakat Orang Asli memang kaya dengan adat resam dan budaya kerana lingkungan hidup mereka yang masih berkait rapat dengan alam semulajadi walaupun sudah, memasuki dunia moden. Adat dan kepercayaan mereka mempunyai hubungan yang rapat dengan makhluk-makhluk ghaib di alam semesta ini.

Ketika menyambut hari-hari kebesaran masyarakat mereka, amalan mengubat penyakit tetap dibuat secara tradisi yang melibatkan jampi serapah diiringi dengan tarian tertentu. Oleh yang demikian, jika diteliti kebanyakkan bentuk tarian dan nyanyian mereka bukan sekadar hiburan, malah peranannya lebih jauh dari itu. Nyanyian dan tarian digunakan sebagai perantara untuk mengubat penyakit, menghalau hantu serta mengawal keselamatan kampung daripada diganggu makhluk lain. *Tarian Lilin* yang popular di kalangan suku Temuan, Jah Hut dan Che Wong di daerah Raub misalnya, mempunyai makna tersendiri ketika dimainkan pada hari keramaian majlis perkahwinan dan selepas menuai padi. Mereka menganggap kekuatan lilin yang terlekat pada piring mampu menjadi asas kukuh walaupun tapaknya tidak besar di samping berupaya menerangi orang lain, begitu juga dengan tarian *Sewang* yang popular bagi masyarakat semai yang bertujuan antara lainnya sebagai cara penyembahan kepada makhluk ghaib.

Masyarakat Orang Asli terutamanya wanita, sememangnya mahir dalam menghasilkan kraftangan. Mereka begitu memanfaatkan segala bahan mentah yang ada di kawasan sekeliling, malah mereka kreatif dalam mengitar semula bahan terbuang. Antara yang menarik perhatian ialah cucuk sanggul dan sikat yang diperbuat daripada buluh, tikar dan bakul daripada daun mengkuang. Masyarakat Senoi misalnya, mahir menghasilkan perhiasan wanita seperti gelang, anting-anting dan rantai leher, menggunakan biji benih daripada pokok Karyel (dalam bahasa Senoi).

Dalam membicarakan tentang adat resam dan budaya Orang Asli yang unik, yang berkait rapat dengan makhluk-makhluk alam, saya memfokuskan perbincangan ini kepada kumpulan masyarakat Orang Asli yang terbesar di Malaysia iaitu masyarakat Orang Asli Semai dari kumpulan Senoi.

### **Kaum Semai**

Orang Semai adalah berasal dari kelompok Senoi. Kaum Semai terbentuk dari suku Hoabinhian dan Neolitik. Suku kaum Semai tinggal bertaburan di kawasan Banjaran Titiwangsa, meliputi Perak Tengah, Perak Selatan dan Pahang Barat. Bancian pada tahun 1993 menunjukkan jumlah mereka telah meningkat lebih daripada 42 000 orang dan merupakan suku kaum Orang Asli yang terbesar jumlahnya. Secara amnya, mereka boleh ditemui di seluruh Semenanjung dan sempadan Malaysia / Utara Thailand hingga ke Selat Johor di selatan. Secara tradisi, masyarakat Semai menjalankan pertanian pindah (swidden farms) Mereka tinggal menetap di sesuatu tempat, tetapi yang berpindah ialah kawasan pertanian.



### Peta menunjukkan taburan masyarakat asli di semenanjung Malaysia. Konsep World View

Pandang Dunia atau Pandang Semesta atau World View merujuk kepada set kepercayaan yang menjadi falsafah kehidupan sesebuah kelompok atau masyarakat manusia. Ia akan mencirikan sifat-sifat kelompok dan cara kelompok tersebut bertindak. Masyarakat pribumi mempunyai falsafah kehidupan mereka sendiri seperti yang terungkap dalam sistem mitos, adat-istiadat, sistem kepercayaan, sistem kosmologi, pantang larang dan sebagainya. Semua ini mencirikan sikap dan watak mereka serta mengatur cara mereka bertindak dan berhubung dengan alam dan manusia lain.

Hampir kesemua masyarakat Semai berfahaman Animisme. Mereka membuat tanggapan bahawa "setiap objek disekitar mereka mempunyai semangat tertentu atau kuasa luar biasa yang boleh mempengaruhi kehidupan mereka". Segala perkara yang berlaku disekitar mereka

dikatakan dipengaruhi oleh objek2 tertentu yg mempunyai kuasa luar biasa. Mereka amat menekankan hubungan yang mesra dengan alam semesta. Kehidupan yang dapat berharmoni antara alam semesta dengan manusia adalah kunci kesejahteraan dan kebahagiaan.

### **Nilai-nilai murni Orang Semai melalui konsep “Pandang Dunia”**

Orang Semai mempercayai manusia terbentuk daripada empat unsur iaitu jasad, semangat, roh dan malaikat. Kehidupan manusia dikawal oleh makhluk “superhuman” yang dipercayai wujud di sekeliling mereka. Secara keseluruhannya makhluk “superhuman” terbahagi kepada tiga iaitu *Nyenaang, Maklikat dan Nyaniik*.

**Nyenaang** merupakan kuasa yang menyerupai tuhan. **Maklikat** pula berperanan sebagai ‘orang suruhan’ Nyenaang. Nyenaang dan Maklikat kurang mempengaruhi kehidupan sehari-hari masyarakat Semai. Sebaliknya, **Nyaniik** merupakan kuasa yang dominan dalam sistem kepercayaan Semai; Nyaniik sentiasa mempengaruhi kehidupan manusia. Nyaniik baik dipercayai bersikap baik dan bersimpati terhadap manusia. Namun begitu, Nyaniik ini akan tetap mengancam keselamatan manusia sekiranya manusia melakukan perbuatan biadap terhadap mereka. Segala kemarahan, teguran,sapaan dan pertanyaan Nyaniik akan bertukar menjadi bencana (samaada bencana alam atau bencana penyakit) kepada manusia.

**Hala’** merupakan orang yang berkewibawaan mengendalikan upacara yang berkaitan dengan agama dan perubatan seperti ngenggulang, membuka ladang baru, memohon kepada keramat, mengubat penyakit dan sebagainya. Adat dan kepercayaan orang Semai yang berkait rapat dengan makhluk semulajadi, ini dapat dilihat dengan lebih dekat dalam aspek berikut:

- Kehidupan sosial
- Kehidupan ekonomi
- Kehidupan politik

Kehidupan sosial dalam konteks ini merangkumi aspek-aspek seperti nilai, sikap dan personaliti, komunikasi sosial, adat resam dan sebagainya. Secara keseluruhannya, pembentukan kehidupan sosial ini adalah manifestasi daripada kawalan sosial dan supernatural yang berorientasikan kedua-dua sistem ini.

### **Nyaniik**

Secara umumnya, hubungan diantara orang-orang Semai dengan Nyaniik adalah berbentuk pertentangan tabii. Dalam hubungan ini, Nyaniik (makhluk superhuman) berada di pihak yang paling berkuasa, sama ada berkuasa untuk memberi bantuan serta perlindungan kepada manusia, mahupun sebaliknya, berkuasa untuk memusnahkan kehidupan manusia yang dicetuskan melalui bencana alam atau bencana penyakit. Manakala manusia pula berada di pihak yang lemah. Kelemahan manusia ini ditonjolkan dengan jelas melalui pengakuan yang dibuat oleh Biduan yang diwakili oleh Hala’ (bomoh/dukun) sewaktu mereka berhubung dengan makhluk-makhluk tersebut dalam upacara bekebut. Dalam pengakuan itu, hala’ dan biduan akan mengatakan diri mereka (manusia) sebagai makhluk yang lemah, pekak, bisu, buta, bodo, bingung dan seumpamanya. Seterusnya hala’ dan biduan akan meminta bantuan serta perlindungan daripada makhluk-makhluk superhuman yang dianggap berkuasa, kuat, celik, pandai, sejuk, tidak bisu, tidak pekak dan segala puji-pujian yang mengakui kekuasaan makhluk-makhluk tersebut.

Bentuk hubungan yang sedemikian rupa telah meletakkan masyarakat ini dalam keadaan yang tegang, iaitu sentiasa diselubungi ketakutan serta kebimbangan. Ketegangan ini akhirnya menyebabkan masyarakat ini bersikap inferior terhadap makhluk-makhluk tersebut.

Orang-orang Semai sentiasa mengawal perlakuan serta bahasa pertuturan mereka agar tidak menimbulkan kemarahan makhluk-makhluk superhuman, kerana kemarahan makhluk-makhluk ini akan merupakan bencana kepada manusia. Umpamanya, apabila berada di dalam hutan, mereka akan sentiasa meminta maaf atau meminta kebenaran sebelum melakukan sesuatu perkara yang dianggap biadap oleh Nyaniik seperti membuang air kecil ataupun air besar. Mereka berbuat demikian kerana mempercayai setiap kawasan di bumi ini terutamanya kawasan-kawasan yang belum diterokai mempunyai penunggu. Selain itu, mereka juga akan mengawal bahasa percakapan, khususnya mengelakkan daripada menggunakan bahasa-bahasa yang biadap seperti memaki-hamun, menggunakan perkataan-perkataan lucuh dan seumpamanya.

### **Tenghaak**

Konsep tenghaak (berdusa') pula meletakkan ahli-ahli masyarakat yang melakukan sesuatu kesalahan dalam keadaan bersalah. Konsep tenghaak ini juga dikaitkan dengan pembalasan oleh makhluk-makhluk superhuman yang dipercayai terdapat disekeliling mereka termasuklah oleh Nyenaang (datuk,tuan,tuhan). Pembalasan tersebut biasanya diterima oleh pesalah berkenaan semasa beliau masih hidup lagi. Bentuk-bentuk pembalasan itu termasuklah bencana penyakit seperti gila, lumpuh, kemalangan-kemalangan, tidak ada rezeki, papa kedana dan sebagainya. Konsep tenghaak dan pembalasan oleh makhluk superhuman boleh menjauhkan ahli-ahli masyarakat ini melakukan sebarang kesalahan, walaupun perbuatan tersebut tidak diketahui oleh ahli-ahli masyarakat yang lain.

Kesalahan-kesalaan ini bukan terbatas sesama manusia sahaja, sebaliknya merangkumi keseluruhan makhluk yang ada di dunia ini. Umpamanya, orang-orang Semai hanya boleh membunuh binatang-binatang yang mengancam keselamatan ahli-ahli masyarakat ini. Seandainya pembunuhan tersebut dilakukan semata-mata ingin menganiaya binatang tersebut, maka perbuatan itu dianggap satu perbuatan yang tenghaak dan pesalah berkenaan dipercayai akan menerima pembalasan dari makhluk-makhluk superhuman.

### **Terlaij**

Konsep terlaij juga berperanan membentuk kehidupan sosial masyarakat ini. Konsep terlaij merujuk kepada satu bentuk dendaan yang dilakukan oleh Engku' (guruh/petir) kerana melakukan kesalahan-kesalaan yang menimbulkan kemarahan makhluk berkenaan. Di antara kesalahan-kesalaan besar yang boleh mewujudkan bencana terlaij ini ialah perbuatan mempersendakan atau mentertawakan binatang-bintang kesayangan Engku' seperti rama-rama dan kupu-kupu, cacing, patung-patung, beruk yang dihiasi seperti manusia dan mentertawakan benda-benda ganjil seperti orang cacat, binatang yang sedang mengawan, gambar-gambar dan seumpamanya.

Berkaitan dengan bencana terlaij ini, ahli-ahli masyarakat ini akan mengawal perlakuan masing-masing supaya tidak melakukan kesahan-kesakahan yang dianggap boleh menimbulkan bencana terlaij. Selain itu, kebimbangan terhadap bencana terlaij juga, membolehkan mereka mengekalkan hubungan baik dengan semua ahli masyarakat yang tidak bernasib baik seperti cacat, hodoh dan seumpamanya, yang turut dianggap ganjil dan tidak boleh ditertawakan.

Pesalah-pesalah juga mesti bertanggungjawab di atas segala kesalahan mereka yang berhubung dengan bencana terlaij. Pesalah mesti meminta maaf atau menghukum diri sendiri seperti memotong rambut atau mengeluarkan darah untuk tujuan ini. Sendainya pesalah berkenaan tidak menghukum diri sendiri, maka keselamatan seluruh penduduk dan juga kampung tersebut akan terancam kerana Engku' (guruh/petir) tidak akan hanya menghukum kesalahan pesalah terbabit, sebaliknya akan menghukum seluruh penduduk kampung yang tinggal sekampung dengan pesalah berkenaan.

Mematuhi pantang larang merupakan nilai yang dipentingkan oleh masyarakat ini, kerana melaluinya (berpantang) dapat melatih ahli-ahli masyarakat ini mengawal tingkah laku, berkorban, menahan nafsu dan mengelakkan keganasan. Sebahagian daripada pantang larang ini dijadikan adat resam, manakala sebahagian lagi dijadikan moral dan cerita sahaja. Umpamanya dalam adat perkahwinan, terdapat peruntukan yang melarang pasangan yang mempunyai pertalian darah yang rapat seperti adik-beradik dan sepupu selari daripada berkahwin. Peruntukan ini juga sekaligus melarang perlakuan seks di antara pasangan yang masih mempunyai satu pertalian darah terutamanya sepupu selari. Maka keadaan ini sudah pastilah dapat menggelakkkan perkara sumbang muhrim daripada berlaku dalam masyarakat ini. Peruntukan adat mengenai upacara perkahwinan seperti ini dikaitkan dengan konsep Sumoq. Sumoq merujuk kepada sejenis bencana penyakit yang menyerang pasangan adik-beradik atau mempunyai pertalian darah yang berkahwin sesama mereka.

### **Srenglook**

Dalam memastikan segala janji dihormati, masyarakat ini dibendung oleh konsep Srenglooq. Srenglooq merupakan bencana yang timbul akibat daripada perbuatan memungkiri janji. Bencana-bencana yang timbul akibat perbuatan memungkiri janji ini termasuklah bencana alam (seperti ribut petir, banjir, kemalangan-kemalangan dan seumpamanya) dan juga bencana penyakit. Bencana ini mengancam keselamatan orang-orang yang dimungkiri janji. Perbuatan memungkiri janji juga dikaitkan dengan dua bentuk bencana penyakit lain iaitu puuq (burut) dan teed (tumbung). Namun demikian, kedua-dua bentuk bencana ini lebih kerap dikaitkan dengan perbuatan menipu atau berbohong. Bencana puuq (burut) dikatakan akan menyerang buah zakar orang-orang lelaki yang suka menipu, manakala teed (tumbung) pula menyerang kemaluan wanita. Kedua-dua konsep bencana ini digunakan dengan meluas dalam proses sosialisasi dengan tujuan untuk mengelakkan perbuatan menipu ini daripada peringkat kanak-kanak lagi.

### **Puhnan**

Konsep puhnan juga berperanan mengawal serta membentuk kehidupan sosial masyarakat ini. Konsep puhnan (kempunan) merupakan bencana yang menimpaseseorang yang gagal memenuhi hasrat atau kehendaknya. Umpamanya seseorang itu bercadang untuk berkahwin tetapi gagal memenuhi hasrat tersebut. Contoh lain, jika seseorang itu teringin memakan sesuatu jenis makanan, tetapi tidak dapat menikmati makanan yang diidamkan itu pada masa tersebut. Dalam contoh makanan ini, bencana puhnan juga akan menimpaseseorang yang tidak menjamah makanan yang dilihatnya semasa ia hendak pergi ke tempat lain seperti bekerja, berburu, berjalan dan sebagainya. Bencana puhnan biasanya berbentuk kemalangan-kemalangan yang melibatkan pertumpahan darah seperti terluka, ditimpai oleh kayu, diserang oleh binatang-binatang buas, dipatuk ular dan boleh juga menyebabkan kematian. Kepercayaan terhadap konsep puhnan menunjukkan masyarakat ini tidak membenarkan perbuatan ‘berangan-angan kosong’ (umpamanya berangan-angan untuk berkahwin) kerana perbuatan tersebut akan memudaratkan diri sendiri.

## **Tarok dan ngooi**

Konsep-konsep lain yang turut membentuk kehidupan sosial masyarakat ini ialah tarok dan ngooi. Kedua-dua konsep ini merupakan bencana penyakit. Tarok terbahagi kepada dua iaitu Tarok terkena' dan Tarok perbuatan orang. Tarok terkena' merupakan bencana yang timbul akibat tingkahlaku manusia seperti terkencing di atas sarang semut atau anai-anai . Bencana ini juga menimpa seseorang sekiranya air kencing ataupun air yang disimbahkan oleh orang tersebut bertakung di dalam satu bekas (tidak menyerap ke dalam tanah). Selain itu, sekiranya seseorang itu menemui air-air yang bertakung, seperti pada pokok-pokok kayu, dalam tin-tin kosong, tempurung dan seumpamanya, kemudian takungan tersebut tidak dimusnahkan, maka kemungkinan besar orang tersebut akan mendapat penyakit Tarok. Penyakit-penyakit yang timbul akibat Tarok adalah seperti kudis-kudis, bengkak di bahagian kemaluan, kembung perut dan seumpamanya. Manakala bencana Tarok perbuatan orang pula berpunca daripada perbuatan jahat orang lain. Untuk menyebabkan tarok ini, orang-orang yang berniat jahat akan memungut sisasisa makanan (termasuklah punting rokok), pakaian, rambut dan semua barang berkaitan dengan orang yang ingin dijadikan mangsa. Barang-barang itu kemudiannya diperamkan dalam sebuah bekas dan diseru dengan jampi yang meminta agar Nyaniik tarok (sebarang Nyaniik) membunuh mangsa tersebut perlahan-lahan dengan memakan ngooi (bau), glamook (daki) dan ruwai (semangat) yang terlekat pada barang-barang yang diperamkan itu. Penyakit utama yang diakibatkan oleh bencana ini adalah penyakit busung.

Oleh itu orang-orang Semai sentiasa berhati-hati apabila membuang air ataupun membuang sisasisa makanan mereka. Pada kebiasaan mereka akan memusnahkan segala benda-benda yang boleh menyebabkan air bertakung seperti tin-tin kosong, tempurung dan sebagainya. Mereka juga akan memusnahkan semua takungan air yang ditemui sebagai langkah mengelakkan bencana ini. Selain itu, mereka juga sentiasa berhati-hati apabila membuang sisasisa makanan mereka terutamanya apabila wujud permusuhan dengan orang lain. Tegasnya, keimbangan pada penyakit tarok' perbuatan orang ini, telah mendorong masyarakat ini sentiasa mengelakkan sebarang permusuhan di kalangan ahli-ahlinya.

Ngooi pula merujuk kepada penyakit yang timbul akibat Nyaniik menawan ngooi (bau) manusia. Nyaniik (hantu) ngooi adalah bersifat binatang seperti kerbau, gajah, babi dan lain-lain yang biasanya terdapat dalam hutan. Nyaniik ini berjaya menangkap ngooi seandainya seseorang itu terlupa sesuatu barang yang dipakainya seperti baju, kain, kasut, parang dan seumpamanya didalam hutan. Penyakit-penyakit yang ditimbulkan oleh Nyaniik ngooi ialah sakit-sakit tulang, urat, sendi, kelenjar dan sebagainya. Kepercayaan ini telah mendorong ahli-ahlinya setiasa cermat terutamanya semasa berada di dalam hutan. Umumnya ketakutan terhadap penyakit ini dapat mengelakkan Orang Semai daripada menjadi seorang yang pelupa.

Berkaitan konsep ngooi ini, terdapat satu lagi konsep kawalan yang disebut sebagai glamook (daki atau kotoran). Seseorang itu dianggap glamook sekiranya terdapat daki-daki orang mati yang diurusnya melekat pada tubuhnya. Bencana glamook ini akan menyebabkan kesihatan orang tersebut sentiasa terganggu, badannya semakin susut, matanya cengkung dan tidak bermaya. Orang yang terlibat dengan penyakit ngooi dan glamook ini mestilah dimandikan atau dibersihkan dengan segera, melalui upacara baklaak supaya tubuh badan mereka sentiasa bersih (suci). Sekiranya tidak berbuat demikian, mangsa tersebut dipercayai akan mati.

Konsep ngooi dan glamook ini mewujudkan beberapa pantang larang yang mesti dipatuhi seperti mlarang Orang-orang Semai menyidaikan kain di luar rumah pada waktu malam, membiarkan barang-barang yang tertinggal di hutan tanpa diambil kembali dan seumpamanya, kerana perbuatan sedemikian boleh menyebabkan penyakit ngooi.

## Pantang Larang

Terdapat berbagai pantang larang berbentuk ethos, mores dan folkways di kalangan masyarakat ini, yang turut membentuk keperibadian dan kehidupan sosial Semai. Umpamanya sewaktu nyaap (mambang kuning), masyarakat ini melarang anggota-anggotanya bersuka ria atau membuat bising di waktu ini. Larangan ini berkaitan dengan kepercayaan bahawa waktu senja bagi manusia adalah waktu pagi bagi nyaniik.

Larangan yang sama dikenakan semasa ujan panas (hujan panas). Masyarakat ini dilarang bermain air hujan panas kerana mereka percaya air hujan panas merupakan air mata Nyaniik, khususnya kikmoij (hantu manusia). Selain itu, masyarakat ini juga mempercayai air hujan panas berasal daripada teguran ataupun pertanyaan kikmoij. Ahli masyarakat ini ditegah bermain air hujan panas kerana dengan berbuat demikian, orang tersebut akan terkena keteguran. Setiap teguran Nnyaniik akan menjadi penyakit kepada penyakit manusia.

Semasa membuat rumah, masyarakat ini mestilah mematuhi beberapa pantang larang. Misalnya, gelegar rumah tersebut mestilah dibuat separas dengan dinding. Pantang larang ini adalah berhubung dengan kepercayaan terhadap Nyaniik Maai Lalu', yang melarang anak cucunya berbuat demikian. Masyarakat ini juga dilarang menghubungkan tali ampaian dengan tiang rumah mereka (salah sebatang daripada tiang rumah dijadikan tiang ampaian) kerana dipercayai akan mengganggu perjalanan Nyaniik Maai Lalu' ini. Disetiap penjuru rumah pula hendaklah ditanam dengan pokok pemulih supaya Nyaniik mengenali rumah tersebut sebagai rumah anak cucunya, dan seterusnya tidak akan mengganggu mereka. Di samping itu, orang-orang Semai juga tidak boleh membuat rumah pada hari Rabu. Sekiranya larangan ini dilanggar, maka dipercayai rumah tersebut 'panas'. Sebagai akibatnya, penghuni rumah itu selalu mendapat penyakit, tidak ada rezeki dan sebagainya.

Orang-orang Semai juga dilarang membaling batu atau benda-benda yang seumpamanya pada waktu malam. Perbuatan tersebut ditakuti akan mengenai mata Nyaniik dan seterusnya menyebabkan Nyaniik tersebut marah. Perbuatan bersiul di waktu malam dipercayai boleh menarik perhatian Nyaniik. Sekiranya Nyaniik melihat semangat (ruwai) orang yang bersiul itu, mungkin dia akan menegur atau membaling ke arah bunyi siulannya. Sekiranya orang itu tidak bernasib baik, maka ia akan terkena balingan itu yang akan menyebabkannya jatuh sakit. Oleh itu, masyarakat ini melarang perbuatan bersiul di waktu malam. Bagi kanak-kanak pula, sewaktu tidur, bulu keneng mereka akan dipalit dengan arang yang telah dijampi untuk mengelakkkan mereka mendapat mimpi buruk. Sekiranya kanak-kanak mendapat mimpi buruk, ataupun terperanjat, maka dipercayai ruwai (semangat) mereka akan terpelanting keluar dari broog (jasad/badan). Kejadian ini akan menyebabkan kanak-kanak tersebut jatuh sakit. Ruwai kanak-kanak dikatakan lemah (tidak stabil) dan bersaiz lebih besar daripada ruwai orang dewasa. Oleh kerana ruwai kanak-kanak lemah, maka orang Semai dilarang melakukan perbuatan-perbuatan yang boleh menyebabkan kanak-kanak tersebut terperanjat.

Menyentuh tentang kematian, terdapat pantang larang yang ketat dan mesti dipatuhi oleh masyarakat ini. Umpamanya, ibu-ibu yang mengandung dan mempunyai anak kecil tidak boleh menghampiri mayat tersebut. Bagi ibu-ibu mengandung, dikhawatir anak yang mereka kandung itu akan terkenan orang mati dan menyebabkan kanak-kanak tersebut sukar dilahirkan. Kanak-kanak juga turut dilarang menghampiri mayat memandangkan ruwai mereka yang lemah. Masyarakat ini bimbang ruwai kanak-kanak itu akan mengikut mayat tersebut ke dalam bumi. Sekiranya kejadian ini berlaku, kanak-kanak tersebut mempunyai peluang yang tipis untuk diselamatkan.

Semasa membawa mayat dari rumah ke tanah perkuburan, ia mestilah dibawa dengan menghalakan bahagian kakinya ke hadapan dan kepala ke belakang. Tujuan mereka berbuat demikian supaya Nyaniik kikmoij mayat itu tidak dapat menoleh ke belakang dan melihat jalan pulang ke rumah. Dengan itu dapat mengelakkan kikmoijnya (mayat) pulang semula ke rumahnya. Pada hari kematian tersebut hala' mesti menyatakan pada kikmoij mayat itu, bahawa dia sudah tidak ada hubungan lagi dengan keluarganya.

Semasa berada di dalam hutan pada waktu malam, orang-orang Semai dilarang tidur di atas denai kerana dipercayai menjadi laluan Nyaniik Maai Lalu'. Di samping itu, mereka dikehendaki memasang api sepanjang malam. Api berperanan untuk memanaskan suasana di tempat itu bagi mengelakkan tempat tersebut dikunjungi oleh Nyaniik. Nyaniik dikatakan tidak sukaan suasana panas yang disebabkan oleh bahang api. Oleh itu, api merupakan teman yang utama bagi Orang Semai, terutama sekali ketika berada di dalam hutan.

## Kesimpulan

Disini jelaslah kepada kita bahawa masyarakat Asli sebenarnya mempunyai satu adat dan budaya yang amat unik terutamanya bagi orang-orang Semai. Keunikannya telah menjadikan masyarakat ini lebih stabil dari sudut sosial, ekonomi dan politiknya. Tidak ada unsur-unsur hasad-dengki, khianat, sabotaj, kedekut, dendam dan sebagainya. Mereka menjaga hubungan baik dengan ketiga-tiga unsur di dunia ini iaitu makhluk supernatural, manusia dan alam sekitar.

Konsep World View atau pandang dunia masyarakat Semai termasuklah didalamnya segala adat dan budaya serta pantang larang inilah, yang telah mengawal masyarakat ini daripada kecil hingga besar dan akhirnya mati. Walau pun segala peraturan ini tidak dibuku atau dikanunkan tetapi mereka sama sekali tidak akan melanggarinya kerana kefahaman yang tinggi terhadap kesan dan akibatnya.

Keadaan ini tentulah jauh berbeza dengan masyarakat kita dibandar hari ini. Masalah sosial seperti sumbang mahram, tamak, hasad dengki, dendam, mementingkan diri-sendiri, materialistik dan sebagainya adalah perkara yang biasa. Kita selalu mengatakan masyarakat bandar lebih bertamadun berbanding masyarakat asli, tetapi sejauh manakah kenyataan ini benar?. Oleh itu sama-sama kita melihat dan memahami bahawa orang-orang asli terutamanya masyarakat Semai memang mempunyai satu budaya dan adat yang tinggi dimana ianya telah berjaya mengawal masyarakat ini dengan baik sekali.

Melalui konsep World View ini, mereka berjaya memupuk nilai-nilai murni yang boleh memandu dan memimpin mereka agar selamat dan sejahtera di dunia. Masyarakat ini telah mempraktikkan satu hubungan yang sangat murni dengan tiga unsur utama di dunia ini, iaitu manusia, alam dan kuasa supernatural. Tingginya nilai budaya dan etika masyarakat semai telah menjadikan mereka dapat bertahan dan berjuang di dalam kepesatan arus pembangunan dan globalisasi kini.

## RUJUKAN

- Arena Wati. 1978. *Pribumi Sabah (Kadazan/Dusun)*. Yayasan Sabah, Kota Kinabalu.  
Azhar Mad Aros. 2000. *TITAS Tamadun Islam dan Tamadun Asia*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.

- Dentan R.K.(Tesis Ph.D.) 1965. *Some Senoi Dietary Restrictions: A study of Food Behavior in a Malaysian Hill Tribe*. Universiti Yale.
- Dentan, R.K. 1979. *The Semai: A nonviolent people of Malaya*. New York: Holt, Rinehart and Winston.
- Evans, I.N.H. 1924. *Among Primitive Peoples in Borneo*, London.
- Hood Salleh, Kamaruddin M. Said dan Awang Hasmadi Mois (eds). 1993. *Mereka yang Terpinggir*. Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Kebangsaan Malaysia. Intan. 1991. *MalaysiaKita*, Kuala Lumpur.
- Hose, C. dan McDougall, W. 1996. *The Pagan of Borneo*. Frank Cass and Company. Ltd.  
<http://www.kempadu.gov.my/jheo/orang/20asli/ekonomi.htm>  
<http://www.ukm.edu.my>  
<http://www.upm.edu.my/ekologi-manusia>.
- Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. 2000. Nong Pai (Haluan Baru). Bahagian Penyelidikan dan Penerangan, JHEOA.
- Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. 2001. Nong Pai (Haluan Baru). Bahagian Penyelidikan dan Penerangan, JHEOA.
- Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. 2002. Orang Asli Berjaya. Bahagian Penyelidikan dan Penerangan, JHEOA.
- Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. 2003. Orang Asli Berjaya Edisi II. Bahagian Penyelidikan dan Penerangan, JHEOA.
- Jamaludin Idris. 22/04/2000. *ASLI Pamer Budaya Orang Asli*. Berita Harian.
- Jensen, E. 1974. *The Iban and Their Religion*. Oxford: Clarendon Press.
- Juli Edo (Tesis Sarjana Falsafah). 1988. *Agama dan Perubatan Masyarakat Semai*. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Juli Edo. 1990. *Tradisi Lisan Masyarakat Semai*. Monograf No.16. Fakulti Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kirk Endicott, M. Barry Hooker and Alberto Gomes. 1997 *Malaysia and the "Original People": A Case Study of the Impact of Development on Indigenous Peoples*. Boston: Allyn and Bacon/Cultural Survival.
- Kroes, Gerco. 2002. Same Hair Different Hearts; Semai Identity in a Malay Context: An Analysis of Ideas and.... : Printed in Netherlands.
- Leslie Sponsel. 1999. *The Semai of Malaysia. In Endangered Peoples of East and Southeast Asia*,. Westport, CT: Greenwood Publishing Group.
- Margaret Read MacDonald. 1999. *Enduring Scars: Cautionary Tales among the Semai. Traditional Storytelling Today*: An International Sourcebook. London and Chicago: Fitzroy-Dearborn (Garland)
- Nor Sedek Ismail. 22/04/2000. *Budaya Orang Asli Unik*. Utusan Malaysia.
- Norzilawati Abd. Halim. 15/08/200. *Wanita Orang Asli Mahir Seni Kraft*. Berita Harian.
- Sabihah Osman. 1985. *Pentadbiran Pribumi Sabah 1881 -1941*. UKM-Yayasan Sabah.
- Williams, T.R. 1965. *The Dusun: A north Borneo Society*. New York: Holt, Rinehart and Winston.